

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OKTOBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 30

Peralihan tenaga pacu ekonomi Malaysia ke hadapan

Peralihan tenaga pacu ekonomi Malaysia ke hadapan

Syarikat perkhidmatan serta peralatan minyak dan gas (OGSE) perlu mendepani peralihan tenaga kerana ia akan membantu mereka menyelesaikan banyak isu yang kini dihadapi sektor tenaga, sekali gus memacu ekonomi Malaysia pada masa akan datang.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata industri OGSE mestinya mengenal pasti cara untuk kekal relevan dalam kehidupan hari ini dan yang menjadikan ia berbeza dengan industri lain yang sudah lenyap.

"Saya percaya ia adalah keupayaan untuk sentiasa mencipta semula diri dan meresyualkan diri dengan masa. Hari ini pada 2023, industri OGSE sedang berdepan dengan peluang seterusnya."

"Kita perlu ingat bahawa OGSE adalah dalam perniagaan yang sedang berkembang. Dengan membentuk semula model perniagaan kita melalui peralihan tenaga, saya yakin sektor ini akan terus memacu ekonomi Malaysia ke hadapan, seperti yang telah dilakukan selama bertahun-tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama pada persidangan Jeryawara OGSE Kebangsaan 2023, di Kuala Lumpur, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmle Diron.

Rafizi berkata, kerajaan sudah mendahului usaha itu dengan mengumumkan Pelan Tindakan Peralihan Tenaga Negara (NETR), yang menggariskan 10 projek utama yang akan menawarkan sehingga RM1.85 trilion peluang pelaburan

menjelang 2050.

"Pemain industri seperti PETRONAS, Gentari dan Tenaga Nasional Bhd (TNB) sudah banyak terbabit. Sebagai contoh, satu projek membabitkan PETRONAS mewujudkan penangkapan dan penyimpanan karbon (CCS) di Kasawari. "Ini adalah salah satu daripada banyak usaha yang membuka bidang kerjasama untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) OGSE. Ini akan memudahkan penyatakarbonan dan meningkatkan alam sekitar, sosial dan

tadbir urus (ESG)," katanya.

Rafizi menambah, ramai generasi mudah mahu menyertai syarikat dengan nilai lebih hijau, justeru adalah penting syarikat terbabit menunjukkan usaha untuk manarik dan mengekalkan bakat terbaik.

"Ini perlu menjadi usaha teratas untuk meningkatkan kemahiran kumpulan pekerja kita sekarang. Dengan memastikan pekerja kita berdaya saing akan memastikan mereka kekal di Malaysia dan tidak pergi ke luar negara," katanya.